

11 JUL 1996

Mahathir-Lawat

LAWATAN PM ERATKAN HUBUNGAN MALAYSIA DAN NEGARA MEMBANGUN

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengusaha dan peniaga Malaysia dijangka membuat beberapa pelaburan dan projek usahasama dengan rakan perniagaan di Kazakhstan dan Republik Kyrgyz.

Perdana Menteri yang akan mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara berkenaan pada 15 hingga 20 Julai berkata pelaburan dan kerjasama yang mungkin dimeterai ialah dalam bidang perlombongan dan perdagangan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat ke-173 Majlis Raja-Raja di sini, beliau berkata lawatan itu adalah dalam siri lawatan beliau ke negara membangun.

Lawatan itu juga sebagai memenuhi undangan Presiden Askar Akayev dari Republik Kyrgyz yang melawat negara ini pada Julai tahun lepas dan Presiden Nursultan Nazarbayev (Kazakhstan) pada Mei tahun ini.

Katanya, kerajaan kedua-dua buah negara itu telah menyatakan hasrat untuk mengadakan hubungan lebih erat dan mendapatkan palaburan dari Malaysia.

"Kerana itu saya bawa ramai pengusaha dan peniaga Malaysia bersama," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan menawarkan kepada kerajaan kedua-dua buah negara itu untuk menghantar lebih banyak pelatih ke Malaysia dalam bidang tertentu seperti urusan diplomasi, hubungan luar negara, pentadbiran, penswastaaan dan perancangan.

Mengenai cadangan lawatan ke Mongolia, Perdana Menteri berkata cadangan lawatan itu tidak diteruskan kerana pilihan raya negara itu baru selesai dan pembentukan kerajaan belum dibuat. -- BERNAMA

MOZ NMO